




Edisi 20 September 2025



**Uitm Pemacu
Transformasi**

**Penghargaan
Buat Alumni**

**Impian Murni
Pereka Fesyen**

'RESMI PADI' PENUTUP ISTIADAT KONVOKESYEN KE-102

“Kecemerlangan tidak hanya diukur pada tahap intelektual dan kemahiran semata-mata. Ia perlu disempurnakan dengan nilai murni dan sikap terpuji.”



oleh : Zaidatul Insyirah Suhaini

Sidang ke-25, sidang yang menutup tirai Istiadat Konvokesyen UiTM ke-102 itu meninggalkan pesan bermakna buat 883 graduan UiTM Cawangan Perak yang diraikan.

Dalam ucapan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM). Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin mengingatkan bahawa ilmu dan kejayaan mestilah dipadukan dengan kerendahan hati serta budi pekerti yang baik.

“Kecemerlangan tidak hanya diukur pada tahap intelektual dan kemahiran semata-mata. Ia perlu disempurnakan dengan nilai murni dan sikap terpuji. Seperti resmi padi, semakin berisi semakin tunduk”, pesannya.

Tambah beliau lagi, seseorang yang benar-benar berilmu bukan sekadar luas pengetahuan dan ikhlas dalam sumbangan, tetapi mereka juga memiliki kesantunan dalam berbahasa. “Lidah jangan terburu, kata biar bertapis.

Biar lambat bicara, asal manis bunyinya. Kata yang keluar ibarat benih, kalau baik tumbuhnya harum, kalau kasar tumbuhnya berduri,” ujar beliau.

Beliau turut mengingatkan agar para graduan menjaga tutur kata dengan baik kerana ia adalah cerminan akhlak bagi seorang insan yang berilmu. Pesanan ini seiring dengan visi UiTM dalam melahirkan graduan holistik, di mana ia bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga seimbanh akhlaknya dari segi sahsiah, kepimpinan dan tanggungjawab sosial.

Kejayaan graduan kali ini bukan hanya diukur pada angka, tetapi juga pada pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa. Ada yang meraih tempat kedua dunia dalam peperiksaan The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), manakala yang lain membawa pulang kejayaan melalui pertandingan inovasi serta pameran perabot antarabangsa di Indonesia. Semua ini menzahirkan keupayaan UiTM melahirkan graduan holistik, iaitu berilmu, kreatif, dan



**Naib Canselor
Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin**

berdaya saing.

Lebih membanggakan, kadar Tamat Pengajian Dalam Tempoh, graduan UiTM Cawangan Perak mencatatkan kadar sebanyak 92 peratus, dan ia adalah satu pencapaian yang membanggakan serti mencerminkan dedikasi, kesungguhan dan komitmen seluruh warga universiti dalam memastikan kualiti pewaris masa hadapan.



SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*